

Bertindaklah, elak jadi mangsa

KES seorang wanita patah pinggang ditendang dan dibelash suami di depan anak, mahupun suami mengamuk tuduh isteri curang dan membelash isteri di depan ibu bapanya sendiri antara sebahagian bukti penderaan yang dilakukan kepada wanita semakin membimbangkan.



Gambar hiasan

(mengalami seksaan dan penderitaan jiwa), malah menimbulkan keresahan, kegelisahan serta melepaskan kemarahan kepada masyarakat.

Kebahagiaan dalam rumah tangga sangat penting bagi mewujudkan kebahagiaan dalam masyarakat dan negara. Jika rumah tangga bercerai-berai akan menyebabkan masyarakat porak-peranda dan melemahkan kekuatan ummah.

Justeru, dalam perkahwinan lelaki (suami) harus memulihkan kaum wanita (isteri) dan sentiasa melayani dengan baik, tidak menghina serta melepaskan kemarahan dengan mendera atau melakukan kezaliman dan penganiayaan kepada isteri. Masalah dalam rumah tangga seharusnya ditangani dengan bijaksana bukan melepaskan kemarahan kepada pasangan. Keresahan, kegelisahan dan masalah dihadapi suami seharusnya dibincangkan dengan baik bersama isteri dan tidak menjadikan mereka mangsa melepaskan kemarahan. Pada masa sama, pasangan suami isteri juga perlu melengkapkan diri dengan ilmu mengenai rumah tangga supaya tidak berlaku kezaliman dan penganiayaan.

Menurut pengasas dan Ketua Pegawai Eksekutif CPP Training and Services (CPPTS), Mahathir Manan, kurangnya pemahaman dan ilmu mengenai hak wanita adalah punca utama peningkatan



Mahathir Manan

kes keganasan rumah tangga (juga penderaan wanita). Kesannya, mereka menjadi takut untuk tampil membuat aduan atau mengambil tindakan kerana bimbang dikasari, diugut cerai dan lain-lain. Justeru, ilmu dan pendedahan mengenai undang-undang serta hak wanita penting sekali gus dapat memberi keyakinan kepada mereka untuk melindungi diri. "Meskipun dalam perundangan Islam memukul isteri wajar atas kes tertentu, tapi hal ini tidak seharusnya disalah ertikan sebagai satu alasan untuk mengasari wanita. Undang-undang Islam dengan jelas memperincikan bahagian tertentu yang boleh dipukul tanpa meninggalkan kecederaan nyata (berbekas). Hukum yang dikenakan tidaklah bersifat memukul, tapi sekadar menghukum (untuk memberi kesedaran)," kata Mahathir ketika ditemui dalam Program Women Response Technique (WRT) kelolaannya, di Hotel Putra, Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Program ini bukan sahaja menekankan keperluan untuk memahami hak wanita mengikut peruntukan perundangan negara, malah mendedahkan pelbagai teknik asas membela diri untuk digunakan ketika berlaku kecemasan. Sekali gus dapat membantu wanita menyelamatkan diri daripada menjadi mangsa.

"Lebih 70 peratus peserta yang mengikuti program WRT terdiri daripada wanita sudah berkahwin. Kebanyakan mereka tidak menyangka ada beberapa akta berkaitan wanita di dalam peruntukan perundangan negara. Mereka juga tidak tahu apakah tindakan awal yang perlu diambil apabila menjadi mangsa. Jadi, menerusi program ini CPPTS turut memberi ilmu tambahan kepada mereka bagaimana untuk bertindak terutama apabila membangkitkan kes polis."

Tambah Mahathir laporan polis (jika berlaku penderaan) boleh dibuat meskipun tiada kesan nyata pada tubuh, namun pendakwaan sukar dijalankan sekiranya kesan penderaan fizikal tidak nyata. Selain laporan perubatan daripada pegawai perubatan bertauliah, bukti tambahan seperti pakaian ketika kejadian, kesan darah, rakaman CCTV, SMS, nota atau surat ugutan serta saksi kejadian juga dapat membantu proses siasatan dan pendakwaan.

"Kejadian jenayah membangkitkan wanita boleh berlaku di mana saja, tanpa mengira siapa pemangsanya. Justeru, wanita perlu sedar mengenai tahap keselamatan diri sendiri dan tahu teknik asas menyelamatkan diri."

Perkerja sebegini tidak seharusnya berlaku apatah lagi wanita bersifat lemah khusus isteri harus disayangi dan dididik ke arah kebaikan.

Kajian membuktikan banyak faktor menyebabkan berlaku perkara ini antaranya masalah cemburu, panas baran, cepat marah, mengikut perasaan, terbabit dengan hutang dan penagihan dadah, cuaca panas dan persekitaran sesak, tekanan di tempat kerja dan masalah dalam rumah tangga yang tidak diatasi dengan baik. Firman Allah dalam surah Al-A'raf, ayat 189 bermaksud: "Dialah yang menciptakan kamu daripada jiwa yang satu (Adam) dan daripadanya Dia menciptakan pasangannya, agar dia berasa senang hati dan hidup mesra antara satu sama lain..." Wanita harus dihormati sebagai insan mulia yang dijadikan Allah sebagai pasangan kepada suami. Wanita sebagai isteri melengkapkan serta menyempurnakan rumah tangga, pendidikan anak dan memberi kesenangan kepada pasangan suami isteri.

Bagaimanapun, sejak akhir-akhir ini penderaan wanita semakin menjadi-jadi (khususnya isteri). Wanita sering dijadikan mangsa suami yang menghadapi pelbagai tekanan dan masalah dalam kehidupan. Gejala penyakit rohani ini bukan sahaja memberi kesan kepada fizikal atau jasmani

Peka dan lawan

Wanita perlu belajar teknik ringkas dan sentiasa tanamkan dalam diri mereka mengenai konsep penting untuk melawan walau apapun yang terjadi. Tindakan awal boleh menyelamatkan diri mereka daripada menjadi mangsa.

Berdasarkan beberapa kajian dan pemerhatian, sebanyak 90 peratus daripada remaja dan wanita yang terbabat dalam kes penderaan, dilakukan orang yang dikenali. Malangnya, 60 peratus mangsa tidak melaporkan kejadian itu kerana pelbagai faktor antaranya kerana campur tangan keluarga selain malu dan tidak mahu maruah keluarga tercalar. Manakala pemangsa yang dikenali itu termasuk anggota keluarga terdekat seperti bapa, abang kandung, abang ipar dan teman lelaki.

Mempelajari teknik bela diri bukanlah sukar, cuma perlu ada kemahuan dan kesungguhan. Pada masa sama, bijak mengawal emosi mereka ketika berdepan dengan situasi cemas dan mengatur langkah untuk mempertahankan diri. Kejadian jenayah biasanya berlaku secara spontan dan situasi sebenar tidak sama seperti yang dirancang. WRT satu teknik yang dicipta khusus untuk wanita sebagai 'alat' mempertahankan diri. Menerusi program 'Pembelajaran WRT menggunakan konsep 3M (Mindset, Method dan Mental Sparring).

Konsep 3M:



- **Mindset** atau minda adalah hak wanita dari segi undang-undang untuk mempertahankan diri mereka sebelum dan selepas berlaku jenayah.
- **Method** ialah kaedah yang boleh dilakukan wanita untuk mempertahankan diri, mengenal pasti kawasan serangan yang memberi impak kepada penjenayah dan bagaimana melepaskan diri daripada pemangsa.
- **Mental Sparring** adalah ketahanan mental bagi menghadapi perlakuan ganas penjenayah.

Teknik mudah WRT

Bahagian mata, dahi, leher, kaki dan kemaluan adalah antara kawasan sensitif lelaki. Jika berlaku serangan, tindakan awal pada bahagian sensitif ini boleh menyebabkan mereka hilang kawalan. Apabila penjenayah jatuh dan tidak memberi tumpuan, segera melarikan diri bagi mendapatkan perlindungan. Hampir 90 peratus penjenayah datang dari arah belakang bagi mengelakkan mangsa mengetahui kehadirannya atau tidak mahu wajah dikesan. Ada beberapa teknik ringkas yang diakui mempunyai berkesan

jika dilakukan kepada penjenayah ketika diserang.

- Teknik 'palm strike' boleh digunakan jika jarak pemangsa berdekatan dengan mangsa. Anda boleh menasarkankan bahagian hidung, dagu dan dada. Biasanya, tumbukan wanita tidak sekuat lelaki dan mungkin boleh menyebabkan kecederaan pada pergelangan tangan mangsa.
- Jadi, jika ada lelaki (tiba-tiba datang) merangkul pinggang anda, bengkokkan badan sedikit ke belakang dan pasti penjenayah turut mengikut posisi sama. Selepas itu, segera pukul bahagian dada atau dagu penjenayah dengan pantas. Ketika, penjenayah hilang tumpuan atau jatuh, segera larikan diri.
- Teknik 'cengkaman boboi' menasarkankan bahagian sensitif lelaki (kemaluannya) sekiranya penjenayah datang dari arah belakang atau depan. Jika anda tidak mempunyai kekuatan tumbukan seperti lelaki, gunakan bahagian siku untuk memukul bahagian dagu atau tulang rahang muka penjenayah. Selain menggunakan kepala di bahagian atas atau belakang dengan menghantukkan ke muka penjenayah untuk meleraikan pelukan.
- Tapak tangan- Gunakan tapak tangan (bahagian bawah yang berisi tu) untuk memukul atau menolak rahang (bawah dagu) pemangsa.
- Siku- Angkat siku selari dengan bahu dan sikukan pemangsa sekuat-kuatnya (sasar pada bahagian muka).
- Ibu jari- Tekan kedua-dua ibu jari pada bawah bahagian mata pemangsa (tekan ke bawah) atau bahagian atas (tekan ke atas).
- Ibu jari- Jika dipeluk dari belakang, tundukkan badan ke depan (ambil jarak ke belakang) dan genggam tangan dan buat ibu jari seperti 'tanda bagus', angkat badan dengan laju dan cucuk belakang (sasar pada mata).
- Genggam- Genggam bibir bawah pemangsa dengan empat jari dan rentap ke bawah dengan menggunakan kekuatan badan.
- Lutut- Tarik bahu pemangsa dan lututkan sekuat-kuatnya pada bahagian kemaluannya.
- Kaki - (tendang depan) Tendang dengan kuat pada lutut pemangsa, jangan lepaskan lagi kaki dari lutut, terus twist kaki (kaki pemangsa akan ikut terpusing) dan tekan (henjut)
- Kaki - (tendang belakang) Jika pemangsa berada di belakang, ambil satu langkah ke depan dan tendang dengan kuat ke belakang (untuk impak lebih kuat, tundukkan badan ketika menendang).
- Kepala- Gunakan kepala untuk menghantukkan kepala pemangsa - (gerakan ke depan atau ke belakang, ambil jarak ke belakang sebelum hantuk kepala pemangsa).



1 & 2. Teknik 'palm strike' digunakan jika jarak pemangsa dekat dengan mangsa. Sasarkan bahagian hidung, dagu dan dada pemangsa dengan pantas.
3, 4, 5 & 6. Siku- Angkat siku selari dengan bahu dan siku pemangsa pada bahagian dagu atau tulang rahang muka. Teknik sama boleh dilakukan jika pemangsa datang dari arah belakang anda. Selain menggunakan kepala di bahagian atas atau belakang dengan menghantukkan ke muka penjenayah untuk meleraikan pelukan. Dalam keadaan sama, anda boleh menggunakan kepala untuk menghantukkan kepala pemangsa - (gerakan ke depan atau ke belakang, ambil jarak ke belakang sebelum hantuk kepala pemangsa).

7. Teknik 'cengkaman boboi', sasarkan bahagian sensitif pemangsa (kemaluannya) sama ada pemangsa datang dari arah belakang atau depan. Tapak tangan- Gunakan tapak tangan (bahagian bawah yang berisi tu) untuk memukul atau menolak rahang (bawah dagu) pemangsa.
8. Tendang bahagian kaki pemangsa terutama paha, lutut dan betis. Jika pemangsa berada di belakang, ambil satu langkah ke depan dan tendang dengan kuat ke belakang (untuk impak lebih kuat, tundukkan badan ketika menendang).
9 & 10. Jika anda ditendang bertubi-tubi (pada bahagian perut atau muka), elak dengan cara silangkan tangan (seperti dalam gambar) untuk menghalang tendangan pemangsa.
11 & 12. Anda juga boleh menggunakan siku (sasarkan bahagian betis) untuk menghalang tendangan daripada pemangsa.



Gambar hiasan

Kategori keganasan kepada wanita:

Penderaan psikologi dan emosi

Ugutan, penghinaan, menjatuhkan maruah wanita boleh meningkatkan kesan buruk sama seperti penderaan fizikal kerana boleh membahayakan nilai harga diri dan perasaan wanita serta keupayaannya mengawal kehidupan sendiri.

Penderaan fizikal

Memukul, menumbuk, menampar, menggigit, menendang, melukakan, mematahkan tulang, membaling barang dan menggunakan senjata adalah contoh jelas penderaan fizikal. Menghalang keperluan manusia seperti makan, minum, tidur dan tempat-perlindungan juga salah satu bentuk penderaan fizikal.

Penderaan seksual

Memaksa melakukan atau melihat sesuatu berbentuk seksual atau menyakiti wanita ketika melakukan hubungan boleh dikategorikan sebagai penderaan seksual.

Penderaan Sosial

Sering berlaku di dalam rumah tangga iaitu wanita sering didorong untuk bergantung kepada pasangan dan diasingkan daripada mendapat sokongan luar.

Penderaan Kewangan

Seorang wanita yang dihalang daripada mencari pekerjaan atau yang tidak dibenarkan untuk membuka akaun bank atau menyimpan wang pendapatannya sendiri sebenarnya menghadapi penderaan dari aspek kewangan. Tanpa kawalan terhadap kedudukan kewangannya akan menyebabkan seorang wanita bergantung sepenuhnya kepada tindakan orang lain untuk mendapatkan walaupun keperluan asas beliau.

Definisi keganasan rumah tangga:

- Mengancam untuk mencedera
- Menyebabkan kecederaan fizikal
- Memaksa atau mengugut untuk berbuat sesuatu (seks), mengurung
- Menyebabkan kesedihan, keganasan, kemusnahan harta



Isteri dipukul sampai mati

Rumah tangga baru enam bulan dibina hancur akibat cemburu

PERANG rumah tangga yang berkecamuk antara pasangan suami isteri yang berumur 37 tahun dengan isterinya yang berumur 32 tahun berakhir dengan kematian isteri akibat dipukul di hadapan rumahnya di Kampung Bukit Kemuning, Ampang Jaya, pada 15 Februari.

Menurut laporan polis, pasangan suami isteri tersebut tinggal di rumah yang dibina baru enam bulan yang terletak di Jalan Kemuning 1/1, Ampang Jaya. Pada 15 Februari, suami isteri tersebut sedang berpesta di rumah mereka. Pada 15 Februari, suami isteri tersebut sedang berpesta di rumah mereka. Pada 15 Februari, suami isteri tersebut sedang berpesta di rumah mereka.



Keratan akhbar

- Anak lelaki dan perempuan adalah kurniaan Tuhan sebagai amarah yang perlu disayangi secara saksama
- Tiada siapa berhak menyiksa dan menindas individu lain
- Keganasan kepada wanita adalah jenayah
- Walaupun Islam membenarkan 'pukul' isteri dalam keadaan isteri nusyuz, tetapi tidak digalakkan.

Undang-undang yang wujud:

- Akta Keganasan Rumah Tangga 1994
- Akta/Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri
- Akta Membarui Undang-Undang (Perkahwinan & Perceraian) 1976
- Akta Perempuan Bersuami (Pindaan) 1997

Tip elak feganasan rumah tangga dan penderaan wanita:

- Lelaki (suami) adalah pelindung kepada wanita (isteri)
- Suami perlu mentadbir rumah tangga dengan kebijaksanaan bukan emosi
- Isteri berhak dihormati sebagai individu yang membantu memudahkan kerja suami
- Saling membantu menguruskan rumah tangga dan tidak membiarkan isteri menanggung semua tugas di dalam rumah
- Isteri berhak memenuhi impian perkembangan diri
- Suami dan isteri perlu berbincang dalam membuat sesuatu keputusan



Gambar hiasan